

D734

UB586 A A B

MAHATHIR - KOHANWEL (ULANGAN MEHBETULKAN NAMA-NAHA CALON-PARA  
3) 99 la  
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

**BELGRADE, 8 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA MENGAMBIL SIKAP BERKECUALI DALAM PEHILIHAN SETIAUSAHA AGUNG BARU KOHANWEL BAGI HENGGANTIKAN SIR SHRIDATH RAHPHAL YANG HABIS TEMPOH PERKHIDHATANNYA HENJELANG PERSIDANGAN KEMUNCIAK PERTUBUHAN ITU DI KUALA LUHPUR BULAN DEPAN.**

**PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG MENJELASKAN PERKARA INI DI SINI HARI INI, BERKATA SEBAGAI TUAN RUHAH DAN Pengerusi PERSIDANGAN ITU, ADALAH TIDAK WAJAR BAGI MALAYSIA MEMIHAK KEPADA MANA-MANA CALON.**

DUA ORANG CALON AKAN BERTANDING UNTUK JAWATAN ITU. HEREKA IALAH TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG SEKARANG, CHIEF EHEKA ANYAOKU DARI NIGERIA DAN BEKAS PERDANA HENTERI AUSTRALIA, ENCIK MALCOLH FRASER.

DATUK SERI DR HAHATHSR MEMBERITAHU PEMBERITA MALAYSIA PADA AKHIR PERSIDANGAN KEMUNCIAK PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM) BAHAWA SEBOLEH-BOLEHNYA MALAYSIA INGINMELIHAT AGAR JAWATAN ITU DAPAT DIISITANPA MELALUI PERTANDINGAN.

+SEKIRANYA PERTANDINGAN BERLAKU, IA AKAN MENIMBULKAN PERBALAHAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA,+ UJAR BELIAU. -- LAGI  
1516MST 08 09 89

0717

U B580 A A B

MAHATHIR - KOMANWEL 2 BELGRADE

**KATANYA, UNTUK HENGELAKKAN KEMUNGKINAN ITU, MALAYSIA SEDANG BERUSAHA HENDAPKAN PENDIRIAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA TENTANG CALON MANA YANG HEREKA INGINKAN BERDASARKAN KEPADA KEBOLEHAN DAN KEWIBAWAAN MASING-MASING.**

+SEKIRANYA, DARIPADA TINJAUAN KITAINI, KITA DAPATI SATU PIHAK TIDAK HENDAPAT SOKONGAN ATAU KURANG HENDAPAT SOKONGAN, KITA AKAN CARI JALAN SUPAYA PIHAK YANG TIDAK MENDAPAT SOKONGAN ATAU KURANG SOKONGAN ITU TIDAK BERTANDING,+ KATANYA.

+INI AKAN DAPAT HENGELAKKAN PERBALAHAN,+ JELAS BELIAU.

APABILA DITANYA SAHA ADA PERKARA INI DAPAT DISELESAIKAN SEBELUH PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOHANWEL (CHOGM) ITU BERMULA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BELUM DAPAT HEMPASTIKANNYA SETAKAT INI.

SEHASA BERADA DI SINI SEJAK EMPAT HARI LEPAS, PERDANA MENTERI HENEHUI BEBERAPA ORANG KETUA KERAJAAN NEGARA KOMANWEL YANG HENGANGGOTAI NAM UNTUK MENINJAU PENDAPAT MEREKA.

HENGENAI PERSIDANGAN KEHUNCAK NAM YANG KE-9 YANG BARU SELESAI ITU, DATUL SERI DR HAHATHIR BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN HASIL PERSIDANGAN TERSEBUT. -- LAGI  
1427MST 08 09 89

D718

U B581 A A B  
MAHATHIR - KOMANWEL 3 BELGRADE

**KATANYA, MEMANG TERNAHPAK PERUBAHAN PENDEKATAN PADA PERSIDANGAN KALI INI.**

**+KALAU DULU TUMPUAN DIBERIKAN KEPADA UCAPAN YANG BEREMOSI, KALI INI TUMPUAN DIBERI KEPADA KERJA YANG HARUS DIBUAT OLEH NAM. INI MEMBUAT PERUBAHAN DAN MEMBERIMANFAAT KEPADA NEGARA ANGGOTA, +JELAS BELIAU.**

**APABILA DITANYA SAMA ADA MALAYSIA AKAN BERUSAHA UNTUK HENJADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN KEMUNCIAK AKAN DATANG SEBAGAI KOMPROMI, BELIAU BERKATA: +KITA TIDAK MEMPUNYAICITA-CITA MENJADI TUAN RUMAH YANG AKAN DATANG KERANA BUAT MASA INI KITA TAK MAMPU.**

**+CUKUPLAH DENGAN HENJADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN KOMANWEL. + MENGENAI CADANGAN UNTUK HENUBUHKAN KUMPULAN 16 DI KALANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI YANG BERHALUAN SEDERHANA DALAM USAHA MENINGKATKAN LAGIKERJASAMA EKONOMI SELATAN-SELATAN, DATUK SERIDR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BERSETUJU MENGANGGOTAI KUMPULAN ITU KERANA IA AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM YANG DIPUTUSKAN OLEH NAM.**

**KATANYA, KUHPUAN NEGARA-NEGARA YANG DICADANGKAN BUKAN SAHAJA MEWAKILI UILAYAH TETAPI JUGA TERDIRI DARIPADA NEGARA-NEGARA YANG DIANGCAP AKTIF DALAM NAM. -- LAGI  
1430HST 08 09 89**

U B582 A A B  
MAHATHIR - KOHANUEL 4 BELGRADE

**SEMASA DITANYA TENTANG USAHA UNTUK MEWUJUDKAN APA YANG DIKATAKAN +PUSAT KECEMERLANGAN+ DI NEGARA SELATAN, PERDANAMENTERI BERKATA BELIAU DAN RAKAN SEJAUATANNYA DARI INDIA, ENCIK RAJIV GANDHI, TELAH BERSETUJU AGAR PUSAT ATAU BEBERAPA PUSAT PENGAJIAN TINGGI YANG NEGARA SELATAN DIKENAL PASTI UNTUK MENAMPUNG PARA PELAJAR DARI NEGARA MEMBANGUN.**

**KATANYA, KETIKA INI RIBUAN ORANG HAHASISUA DARI NEGARA MEMBANGUN DIHANTAR BELAJAR KE NEGARA-NEGARA MAJU SETIAP TAHUN OENGAN MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT.**

**TERDAPAT JUGARAMAI TENAGA PENGAJAR DARI NEGARA MEMBANGUN BERKHIDMAT DI UNIVERSITI-UNIVERSITI NEGARA MAJU.**

**KATANYA, SEKIRANYA PARA PELAJAR DAN TENAGA PENGAJAR ITU DAPAT DIPIKAT UNTUK BELAJAR DAN BERKHIDMAT DI NEGARA MEMBANGUN, IA BUKAN SAHAJA DAPAT MENJIMATKAN BELANJA DAN IHBANGAN BAYARAN ASING, TETAPI JUGA DAPAT MEMBANTU KE ARAH PEMBANGUNAN NEGARA MEREKA. -- BERNAHA  
1431MST 08 09 89**

D485